

Mi segera kulit tembikai

UTUSAN MALAYSIA 9/3/2017 P-22

PRODUK kumpulan WaRiMee, iaitu mi segera WaRiMee yang berasaskan kulit tembikai, yang dihasilkan pelajar tahun akhir Sarjana Muda Sains dan Teknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul juara pertandingan Hari Pengenalan Produk Baharu.

Ketua kumpulan, **Nor Wana Azmi** berkata, mi segera yang berasaskan kulit tembikai itu bukan sahaja dapat mengurangkan sisa makanan malah mempunyai nutrisi yang berkhasiat kepada pengguna.

“Trend pengguna masa kini yang mengutamakan makanan sihat telah mencetus idea kepada kumpulan kami untuk menghasilkan mi segera yang berkhasiat.

“Sumber untuk mendapatkan kulit tembikai juga mudah kerana ia bukan jenis buah-buahan bermusim,” katanya.

Beliau berkata, mesin *screw press*, mesin pembuat mi dan pengering digunakan untuk penghasilan produk WaRiMee bercirikan konsep *Ringkas, Hidup Sihat*.

Katanya, nutrisi yang terdapat dalam kulit tembikai seperti *citrulline*, diet serat, vitamin A dan C dapat memperbaiki kandungan nutrien yang sedia ada pada mi segera.

“Serat penting untuk meningkatkan kesihatan, sementara *citrulline* pula



KUMPULAN WaRiMee dari FSTM, UPM bersama anugerah hasil penyelidikan mereka.

ialah asid amino yang penting untuk kesihatan jantung serta mengekalkan sistem imunisasi,” katanya.

Kumpulan WaRiMee yang dianggotai Soo Yuen Num, Chiew Hui Lian, Siti Khadijah Khalid, Nurhayati Mokhtar, Nur Azyan Zahirah Mohd Noor, Nurul Fatin Amilia Romli, Siti Norashikin Alias dan Siti Nur Asiyah Zulkefli membawa pulang wang tunai RM400 serta hamper yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah, Bahagian Promosi

dan Pemasaran Inovasi, Putra Science Park, UPM, Dr. Mohamad Fakri Zaky Ja'afar.

Pertandingan tersebut memberi peluang kepada pelajar FSTM menghayati proses membangunkan sesuatu produk baharu yang berpotensi dikomersialkan.

Sebanyak 10 produk baharu menggunakan kepelbagaian teknologi diketengahkan, antaranya cendol, beras hitam, beras merah, sagu, nasi, rumpai laut, *burger*, lobak dan sos percik.